

# Lembaga Pengarah

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim	<i>Pengerusi</i>
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman (dilantik pada 1 April 2004)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (dilantik pada 16 April 2004)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Dato' Izham Mahmud (dilantik pada 16 Oktober 2003)	<i>Pengarah</i>
Encik Cheah Tek Kuang	<i>Pengarah Urusan Kumpulan</i>
Encik Kok Tuck Cheong	<i>Pengarah Eksekutif</i>
Y Bhg Dato' Azlan Hashim (meletak jawatan pada 19 Disember 2003)	<i>Timbalan Pengerusi</i>
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim (meletak jawatan pada 19 Disember 2003)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Dato' Malek Merican (meletak jawatan pada 6 Mei 2004)	<i>Pengarah</i>

## Maklumat Korporat

### PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 22  
Bangunan AmBank Group  
55 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur  
Malaysia  
No. Telefon: 03-2078 2633/44/55  
No. Faks: 03-2031 6453  
Teleks: MA 31167 & 31169 ABMAL  
Kabel: ARABMAL

### JURUAUDIT

Tetuan Deloitte KassimChan  
Akauntan Berkanun

### BANK UTAMA

AmBank Berhad

### LAMAN WEB

[ambg.com.my](http://ambg.com.my)

Sila e-mel komen dan  
pertanyaan anda ke:  
[gpa@ambg.com.my](mailto:gpa@ambg.com.my)



### Setiasaha Kumpulan Syarikat

Ravindra Kumar Thambimuthu  
LL B (Melbourne)  
LL B (Hons)  
LL M (London)  
Dip Air & Space Law (London)

# Profil Para Pengarah



## Y BHG TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM

*Pengerusi*

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, warganegara Malaysia, berumur 65 tahun telah dilantik menyertai Lembaga pada 7 Mei 1982 dan memegang jawatan Pengerusi AmMerchant Bank Berhad sejak 1982.

Beliau juga adalah Pengerusi AMMB Holdings Bhd (AHB) serta beberapa subsidiari AHB, iaitu AMFB Holdings Bhd, AmFinance Bhd, AmBank Bhd, Arab-Malaysian Credit Bhd, AmProperty Trust Management Bhd dan AmAssurance Bhd.

Tan Sri Dato' Azman, seorang Akauntan Bertauliah, Fellow Institut Akauntan Bertauliah dan Fellow Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah, telah melibatkan diri di dalam industri perbankan sejak tahun 1960 apabila beliau menyertai Bank Negara Malaysia dan berkhidmat sehingga tahun 1964. Beliau meneruskan kerjaya sebagai Akauntan Bertauliah di Azman Wong Salleh and Co. mulai 1964 hingga 1971. Beliau kemudiannya menyertai Lembaga Malayan Banking Berhad mulai 1966 sehingga 1980 dan merupakan Pengarah Eksekutif sejak 1971 hingga 1980. Beliau adalah Pengerusi Eksekutif Kwong Yik Bank Berhad, sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad, mulai 1980 hingga April 1982 apabila beliau mengambil alih AmMerchant Bank Bhd.

Tan Sri Dato' Azman adalah Pengerusi Eksekutif Arab-Malaysian Corporation Bhd dan Pengerusi AMDB Bhd, RCE Capital Bhd, Malaysian South-South Corporation Bhd, MCM Technologies Bhd dan Pembangunan MasMelayu Bhd. Beliau berkhidmat sebagai ahli Lembaga Cagamas Bhd dan Multimedia Development Corporation Sdn Bhd.

Tan Sri Dato' Azman adalah Pengerusi Persatuan Bank-bank Saudagar Malaysia, Perbadanan Produktiviti Kebangsaan, Majlis Perniagaan Asia-Timur dan Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik Malaysia, dan Presiden Pertubuhan Selatan-Selatan Malaysia, Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun, Persatuan Rakan Penjara dan Majlis Perniagaan Pergerakan Berkecuali. Beliau merupakan Ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC, Suruhanjaya Trilateral (Kumpulan Asia-Pasifik), Majlis Perniagaan Malaysia-British, Majlis Perniagaan Malaysia-China, dan Kumpulan Penasihat Perniagaan UNESCAP. Beliau juga adalah Pemimpin Mesyuarat Perniagaan ASEAN-Jepun (Jawatankuasa Malaysia, Keizai Doyukai), Penaung Pertubuhan Menunggang Lasak Malaysia dan menduduki Lembaga Penasihat, Pusat AIM bagi Tanggungjawab Sosial Korporat.



#### **Y BHG PROF TAN SRI DATO' DR MOHD RASHDAN HAJI BABA**

*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba, warganegara Malaysia, berumur 68 tahun, telah menyertai Lembaga Pengarah pada 22 Jun 1996. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Imbuan dan Pencalonan Bank dan ahli Jawatankuasa Risiko Bank.

Beliau juga menduduki Lembaga AMMB Holdings Bhd, AmBank Bhd dan syarikat-syarikat lain termasuk Arab-Malaysian Corporation Bhd, Unisem (M) Berhad dan Computer System Advisers (M) Berhad.

Terdahulu, Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan telah berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad mulai 1982 hingga 1987 dan Telekom Malaysia Berhad mulai 1987 hingga 1995.

Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan mempunyai kelulusan B. Sc. daripada University of Reading (UK) dan kemudian memperoleh PhD daripada University of Leeds.

#### **Y BHG TAN SRI DATUK DR ARIS OTHMAN**

*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman, warganegara Malaysia, berumur 59 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga AmMerchant Bank Bhd pada 1 April 2004, dan merupakan ahli Jawatankuasa Imbuan dan Pencalonan Bank. Beliau juga menduduki Lembaga AMMB Holdings Bhd.

Tan Sri Datuk Dr Aris telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sejak 1966 hingga 1986. Dari 1989 hingga 1999, Tan Sri Datuk Dr Aris berkhidmat dengan Kementerian Kewangan, di mana beliau memegang jawatan Pengarah Eksekutif (Kumpulan Asia Tenggara) Bank Dunia dari 1991 hingga 1994 dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dari 1998 hingga pertengahan 1999. Ini diikuti kemudiannya dengan kerjaya di bidang perbankan di mana beliau memegang jawatan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad. Beliau kini adalah Pengerusi Malaysia Airports Holdings Berhad.

Tan Sri Datuk Dr Aris mempunyai kelulusan PhD di bidang Ekonomi Pembangunan dan M.A. dalam Ekonomi Politik, keduanya daripada Boston University, M.A. dalam Ekonomi Pembangunan daripada Williams College, Massachusetts, dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi Analisis daripada Universiti Malaya.



## Y BHG TAN SRI DATUK CLIFFORD FRANCIS HERBERT

*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert, warganegara Malaysia, berumur 62 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga AmMerchant Bank Bhd pada 16 April 2004. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Pencalonan dan Risiko Bank.

Tan Sri Datuk Clifford menyertai perkhidmatan awam Malaysia pada 1964 sebagai Penolong Setiausaha Jabatan Perkhidmatan Awam. Dari 1968 hingga 1975, beliau memegang jawatan Penolong Setiausaha Unit Pentadbiran Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri. Tan Sri Datuk Clifford berkhidmat dengan Kementerian Kewangan sejak 1975 hingga 1997, dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Beliau telah menjadi ahli Lembaga pelbagai badan berkanun dan syarikat awam berkaitan kerajaan.

Tan Sri Datuk Clifford kini merupakan Pengerusi Percetakan Nasional Malaysia Berhad dan ahli Lembaga Resorts World Berhad, AMMB Holdings Berhad, dan AmBank Berhad. Selain itu, Tan Sri Clifford juga turut melibatkan diri dalam beberapa pertubuhan amal.

Tan Sri Datuk Clifford mempunyai ijazah Sarjana Pentadbiran Awam daripada University of Pittsburgh dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya.



12



## Y BHG DATO' IZHAM BIN MAHMUD

*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Y Bhg Dato' Izham bin Mahmud, warganegara Malaysia, berumur 63 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah AmMerchant Bank Bhd pada 16 Oktober 2003. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Risiko dan ahli Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Pencalonan dan Imbuan Bank.

Dato' Izham menyertai perkhidmatan awam Malaysia pada tahun 1965 dan telah berkhidmat hampir satu dekad, kebanyakannya di Perbendaharaan Persekutuan. Kerjaya beliau di dalam perbankan saudagar bermula pada tahun 1974 dengan Aseambankers Malaysia Berhad, di mana beliau kemudiannya menjadi Pengarah Urusan, satu jawatan yang dipegangnya selama lebih 17 tahun.

Beliau kini adalah Pengerusi Eksekutif kumpulan syarikat Delcom Services Sdn Bhd. Beliau juga menduduki Lembaga AMMB Holdings Berhad, Pearl Island Country Club Bhd, CNLT (Far East) Bhd, dan Kinta Kellas Public Limited Company.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) bagi Ekonomi daripada Queen's University, Belfast, Northern Ireland dan Sarjana Sastera Pembangunan Ekonomi daripada Vanderbilt University, USA.



## ENCIK KOK TUCK CHEONG

Pengarah Eksekutif

Encik Kok Tuck Cheong, warganegara Malaysia, berumur 48 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga pada 5 September 2000. Beliau juga menduduki Lembaga AmInternational (L) Ltd, AmInvestment Services Bhd, AmInvestment Management Sdn Bhd, AmAssurance Berhad, Frasers International Pte Ltd, Fraser Securities Pte Ltd dan Arab-Malaysian Credit Berhad.

Beliau memulakan kerjayanya dengan AmMerchant Bank di Jabatan Perbendaharaan sebelum menyertai Jabatan Perbankan dan Kewangan Korporat diikuti dengan Jabatan Pelaburan di mana beliau telah menjawat pelbagai jawatan. Beliau dilantik sebagai Pengurus Besar, Perbankan, pada Januari 1989 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan (mulai Ogos 1994) sehingga pelantikannya sebagai Pengarah Eksekutif pada September 2000.

Beliau lulus daripada University of Southampton dengan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perdagangan dan Perakaunan dan Sarjana Sains dalam Kawalan Pengurusan Kewangan.



13

## ENCIK CHEAH TEK KUANG

Pengarah Urusan Kumpulan

Encik Cheah Tek Kuang, warganegara Malaysia, berumur 57 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga pada 14 Januari 1994.

Beliau kini adalah Pengarah Urusan Kumpulan AmMerchant Bank Bhd dan subsidiarinya. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pencalonan Bank. Beliau juga menduduki Lembaga AMMB Holdings Bhd (AHB) dan subsidiarinya, termasuk AMFB Holdings Bhd, AmBank Bhd dan AmFinance Bhd.

Beliau menyertai AmMerchant Bank Bhd sejak 1978 dan berkhidmat di jabatan Kewangan Korporat dan Perbankan sehingga 1987. Beliau telah memegang pelbagai jawatan selama beliau berkhidmat. Dalam tahun 1994, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Pengarah Urusan. Berkuat kuasa Januari 2002, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan. Sebelum itu, beliau telah menyertai Perbadanan Pembangunan Industri Malaysia. Beliau kini berkhidmat di dalam Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bursa Malaysia Bhd, dan merupakan Pengerusi Ganti Persatuan Bank-bank Saudagar Malaysia.

Encik Cheah mempunyai ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan merupakan *Fellow* Institut Perbankan Malaysia.



**Duduk (dari kiri ke kanan):**

Puan Pushpa Rajadurai,  
Encik Cheah Tek Kuang dan  
Encik Kok Tuck Cheong

**Berdiri (dari kiri ke kanan):**

Puan Fauziah Yacob dan  
Encik Teng Chean Choy

# Pengurusan

**Encik Cheah Tek Kuang**

Pengarah Urusan Kumpulan

**Puan Fauziah Yacob**

Pengarah, Operasi & Sumber Tenaga  
Manusia

**Encik Kok Tuck Cheong**

Pengarah Eksekutif

**Encik Teng Chean Choy**

Pengarah, Perbendaharaan Kumpulan

**Puan Pushpa Rajadurai**

Pengarah, Kewangan Korporat

**Encik Albert Quah Chei Jin**

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## BAHAGIAN DAN CAWANGAN

**Pengarah, Audit Dalaman Kumpulan**

Tan Kok Cheong

**Setiausaha Syarikat Kumpulan/  
Penasihat Perundangan**

Ravindra Kumar Thambimuthu

**Pengarah, Hal Ehwal Awam Kumpulan**

Syed Anuar Bin Syed Ali

**Pengarah, Pengurusan Perhubungan**

Chan Wan Seong

**Pengarah, Pengurusan Perhubungan**

Stephanie Gan Eng Hooi

**Pengarah, Pengurusan Perhubungan**

Marina @ Wan Marina Bt Tunku  
Mohamed Jamil

**Pengarah, Pengurusan Perhubungan**

Steven Perng Chong Hann

**Pengarah, Pengurusan Risiko**

Tan Keat Lin

**Pengarah, Perbankan Islam**

Mohd Effendi Bin Abdullah

**Pengarah, Perbankan Persendirian**

Tai Terk Lin

**Pengarah, Pasaran Modal Hutang**

Seohan Soo

**Pengarah, Pengurusan Risiko Kredit**

Alice Dora Boucher

**Pengarah, Perkhidmatan Kustodian**

Dato' Jaspal Singh Sher Singh

**Pengarah, Produk Ekuiti Berstruktur**

Wong Kum Cheong

**Pengarah, Pentadbiran Kredit**

S Ponnampalam

**Pengarah, Kewangan**

Arunasalam Muthusamy

**Pengarah, Perkhidmatan Korporat**

Amarjeet Kaur

**Ketua Pegawai Maklumat**

Charles Tan Keng Lock

**Pengarah, Kepatuhan**

N Murugiah

**Pengarah, Kawasan Utara**

Tan Leong Theng

**Pengarah, Kawasan Selatan**

Han Hing Siew

**Pengarah, Sarawak**

Sim Kheng Boon

**Pengarah, Sabah**

Liew Sung Soo

## SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

**AmInvestment  
Management Sdn Bhd**

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
Cheah Chuan Lok

**AmInvestment Services  
Berhad**

**Pengarah Eksekutif/  
Ketua Pegawai Pelaburan**  
Datin Maznah Bt Mahbob

**AmInternational (L)  
Limited**

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
Paul Ong Whee Sen

**AmProperty Trust  
Management Berhad**

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
Kamalul Arifin Bin Othman